

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan rancangan Kerajaan dan bagaimana Kerajaan dapat kurangkan ketidaksamarataan (*inequality*) di Malaysia dengan memperkenalkan Visi *Shared Prosperity*. Adakah Kerajaan bercadang untuk mendapat pandangan ahli akademik, Ahli Parlimen dan kumpulan kepentingan lain dalam penggubalan wawasan ini secara keseluruhan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang telah dilancarkan pada 5 Oktober 2019 oleh YAB Perdana Menteri merupakan hala tuju baharu pembangunan negara bagi tempoh 10 tahun iaitu mulai tahun 2021 hingga 2030, merangkumi tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13).

2. WKB adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus menerus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan saksama serta inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rangkaian bekalan. WKB merupakan pendekatan holistik dalam

memastikan seluruh rakyat Malaysia dapat mengecapi taraf hidup wajar atau “*decent standard of living*” pada tahun 2030.

3. Menerusi WKB, fokus akan diberikan kepada usaha menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang meyeluruh di semua peringkat. Pembangunan yang holistik dan mampan akan dapat memastikan kemakmuran negara dapat dirasai dan dinikmati oleh seluruh rakyat.

4. Di sebalik pencapaian pelaksanaan dasar-dasar terdahulu dalam bidang-bidang tertentu, masih wujud jurang ekonomi yang ketara di antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rangkaian bekalan. Berdasarkan WKB, Kerajaan akan melaksanakan inisiatif dan pendekatan yang menyeluruh dalam tempoh RMKe-12 dan RMKe-13 bagi memastikan jurang-jurang yang semakin melebar ini dapat ditangani dan dirapatkan.

5. Melalui WKB, usaha akan dipergiat dalam meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat. Tumpuan akan diberikan kepada usaha-usaha untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Di samping itu, bagi merapatkan jurang di antara wilayah, pembangunan akan dibawa ke seluruh negara terutamanya negeri yang kurang membangun. Ini termasuklah dengan mengadakan pemetaan kawasan titik panas tumpuan ekonomi (*economic hot spots*) yang berpotensi untuk dibangunkan.

6. Dalam memastikan kejayaan pencapaian objektif WKB, Kerajaan akan memfokuskan kepada pembangunan sosioekonomi negara yang berpaksikan kesaksamaan keberhasilan (*equitability of outcomes*) berbanding kesaksamaan peluang (*equitability of opportunities*) semata-mata. Pendekatan ekonomi yang menjamin kesaksamaan keberhasilan sesuatu inisiatif akan mengambilkira kekangan terhadap pencapaian kumpulan atau individu yang disebabkan oleh perbezaan latar belakang. Bantuan latihan serta sokongan sewajarnya akan diberikan bagi meningkatkan peluang kejayaan mereka.

NO. SOALAN : 11

7. Dalam merangka Wawasan Kemakmuran Bersama dan juga menggubal RMKe-12, pelbagai sesi libat urus telah dilaksanakan melibatkan pemegang taruh seperti kementerian, kerajaan negeri, pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan politik, wakil rakyat, pihak industri, pertubuhan anak-anak muda dan wanita serta ahli akademik.

8. Kerajaan akan melaksanakan sesi libat urus ini secara berterusan. Sebagai contoh, sesi taklimat kepada ahli Parlimen akan diadakan pada tengahari ini. Apa yang penting adalah kaedah yang diambil melibatkan gabungan pendekatan *top-down* dan *bottom-up* yang akan dipantau serta dinilai secara sistematik dan berkala dalam RMKe-12 dan RMKe-13.

Sekian, terima kasih.